From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PUSAT ISLAM UUM SERTAI PERSIDANGAN MASJID SERANTAU 2026
Date: Thursday, 3 September, 2026 3:13:17 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

3 SEPTEMBER 2026 / 21 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Nurin Sofia Yusoff
Gambar oleh: Mohd Yusnaidi Md. Sabri

PUSAT ISLAM UUM SERTAI PERSIDANGAN MASJID SERANTAU 2026



UUM ONLINE: Ipoh - Pengarah Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (UUM), Mohd Yusnaidi Md. Sabri telah mewakili Masjid Sultan Badlishah UUM sebagai delegasi ke Persidangan Masjid Serantau 2026/1448H yang berlangsung pada 29 hingga 30 Ogos lalu di Casuarina Convention Centre, Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh, Perak.

Persidangan bersempena Hari Masjid Sedunia itu menghimpunkan pimpinan masjid, tokoh ilmuwan dan badan bukan kerajaan (NGO) dari rantau Asia Tenggara dalam usaha memperkukuh peranan masjid sebagai pusat kemajuan ummah.

Mohd Yusnaidi berkata, sepanjang persidangan, pelbagai pengisian diketengahkan meliputi transformasi pengurusan dan pengimarahan masjid, pembinaan jaringan serantau, tadbir urus berintegriti, pemerkasaan komuniti serta penggunaan teknologi dalam pengurusan masjid.



Menurutnya, penyertaannya mewakili UUM memberi ruang kepada Pusat Islam untuk memperoleh idea dan pendekatan baharu dalam memastikan pengurusan serta pengimarahan masjid dilaksanakan secara lebih aktif, kreatif dan berkesan.

Persidangan turut menekankan kedudukan Masjid Al-Aqsa sebagai jantung umat Islam dan pentingnya usaha pembelaannya diteruskan secara berstrategi. Perjuangan yang telah berlangsung sejak sekian lama menuntut umat Islam memainkan peranan melalui pelbagai ruang, termasuk memperkukuh institusi masjid serta membina jaringan kerjasama merentas negara.

Selaras dengan aspirasi tersebut, Pusat Islam UUM akan terus mempergiat usaha mendekatkan Masjid Sultan Badlishah dengan warga kampus menerusi Festival Takmir Masjid 2026 (FATIMA 2026) pada 1 hingga 3 Oktober 2026.



Pelbagai aktiviti kerohanian, pendidikan, sosial dan kemasyarakatan akan dilaksanakan bagi membawa mesej bahawa masjid bukan milik Pusat Islam semata-mata, sebaliknya milik bersama seluruh warga universiti.

Pusat Islam UUM bersyukur atas peluang menyertai persidangan ini dan merakamkan penghargaan kepada pihak penganjur atas jemputan serta ruang perkongsian ilmu dan jaringan yang diberikan.

Semoga pengalaman yang diperoleh dapat dimanfaatkan bagi memperkukuh pengurusan, pengimarahan dan peranan Masjid Sultan Badlishah sebagai pusat pembangunan ummah di kampus UUM.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.